



Tanah Perkuburan di Makkah

U mumnya, terdapat banyak kawasan perkuburan yang masyhur di sekitar kota Makkah al-Mukarramah. Antara tanah perkuburan tersebut ialah:

- i. Perkuburan al-Ma'la
- ii. Perkuburan al-Syubaikah.
- iii. Perkuburan al-'Adl.
- iv. Perkuburan al-Syarai'.
- v. Perkuburan Syuhada' al-Haram.

Namun perkuburan yang paling masyhur ialah Perkuburan al-Ma'la sebagaimana yang penulis telah ceritakan dalam artikel Haramain isu 133 yang lalu.

PERKUBURAN DI MAKKAH

1 Perkuburan al-Syubaikah
 Ia merupakan kawasan perkuburan lama yang sudah ditutup. Sungguhpun begitu, ia merupakan sebuah perkuburan yang masyhur di Makkah serta telah digunakan semenjak zaman



Pintu masuk Perkuburan al-Adl.

jahiliah lagi. Ramai orang soleh telah dikebumikan di perkuburan ini.

Tempat ini terletak di Syubaikah, iaitu di bahagian barat Masjidilharam yang berhampiran dengan Hotel Dar Al-Tawhid, Inter-continental kini.

Pada tahun 1274H bersamaan tahun 1857M, Syeikh Ali al-Syahumi al-Maghrabi telah membina pagar di kawasan tersebut serta menyediakan tempat permandian jenazah serta rumah kediaman untuk orang fakir. Kini ia sudah tidak digunakan lagi, namun sebahagian daripada kesannya masih kelihatan.

DATO' DR. ABDUL BASIT HJ. ABD RAHMAN

- Memperoleh Ijazah Kedoktoran Syariah dari Universiti Islam Madinah. Beliau pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Ismail Petra (KIAS) dan Musyrif (penasihat) Pondok Sungai Durian, Kelantan.

Facebook: <https://www.facebook.com/AbuAnasMadani/>

2 Perkuburan al-'Adl

Ia telah dibuka pada tahun 1345H bersamaan tahun 1926M. Dikenali sebagai kawasan perkuburan yang kedua terbesar selepas perkuburan al-Ma'la. Terletak di sebelah timur laut Masjidilharam, iaitu di sebelah timur bangunan gabenor wilayah Makkah al-Mukarramah.

Dinamakan sebagai Perkuburan al-'Adl kerana ia terletak di kampung (*hayyu*) al-'Adl yang berhadapan dengan bangunan gabenor wilayah Makkah al-Mukarramah kini. Lokasinya terletak di jalan antara yang paling besar di Makkah iaitu Jalan al-Malik Fahd yang menghubungkan Tanah Haram Makkah dan Mina.

Di sini, terdapat sebahagian besar kaum Muslimin yang terdiri daripada para ulama dan umara. Antaranya ialah:

- Bekas mufti negara Arab Saudi yang terkenal iaitu Syeikh Abdul Aziz bin Baz.
- Bekas Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Naif bin Abdul Aziz al-Saud.
- Anggota Majlis Ulama Syeikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin.

iv. Imam dan khatib Masjidilharam seperti Syeikh Abdullah al-Khulaifi dan Syeikh Abdullah Khayyat.

Serta ramai lagi para pemuka Arab Saudi.

3 Perkuburan al-Syarai'

Tanah perkuburan al-Syarai' terletak lebih kurang 19 km atau setengah jam perjalanan dari Masjidilharam. Ia terkenal sebagai tempat pengebumian para jemaah haji dan umrah yang meninggal dunia di Makkah.

Beberapa orang pekerja di sini menceritakan bahawa setelah berlalu lebih daripada empat tahun satu-satu mayat itu ditanam, maka kubur akan dibuka dan dibersihkan sebagai persediaan untuk mengebumikan mayat yang lain pula.

Jika mayat itu belum mereput dan hancur secara sempurna, maka kubur itu akan ditutup semula. Ia akan dibuka semula empat tahun kemudiannya dan sekali lagi akan diperiksa. Ini berbeza

“

Apabila kubur dibuka semula selepas empat tahun, setakat ini terdapat lebih kurang 120 mayat yang tidak reput. Malah, ada yang masih mempunyai rambut seolah-olah baru dikebumikan kelmarin.

”

dengan perkuburan al-Ma'la yang akan dibuka selepas tiga tahun satu-satu jenazah dikebumikan.

Justeru, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa kubur tersebut akan dibuka selepas enam bulan mayat ditanam. Walhal hakikatnya selepas empat tahun. Pekerja itu berkata:

“Jika kami dapati mayat itu masih belum hancur dan tetap utuh, kami



Perkuburan al-Syubaikah dari jauh di kawasan yang bertanda.




Perkuburan al-Syubaikah dari dekat.



Perkuburan al-Syarai'.



Pintu masuk perkuburan al-Syarai'.



Perkuburan Syuhada' al-Haram.



Pintu masuk Perkuburan Syuhada' al-Haram.

akan menutupnya semula sebagaimana asal. Kemudian selepas berlalu tempoh waktu yang sepatutnya, kami akan buka semula kubur tersebut dan jika kami dapati mayat tersebut masih tidak hancur, kami tidak akan sekali-sekali mengusiknya. Sebaliknya menutup kembali kubur itu kemas-kemas.”

Bukan itu sahaja, pekerja itu juga mengakui bahawa selepas kubur dibuka semula apabila cukup tempoh yang dihadkan (lebih daripada 4 tahun), setakat ini terdapat lebih kurang 120 mayat yang tidak reput. Malah, ada yang masih mempunyai rambut seolah-olah baru sahaja dikebumikan kelmarin.

Subhanallah!
Pembersihan kubur ini perlu dilakukan untuk memberi ruang kepada mayat yang baharu. Menurut fakta yang diberikan, setiap tahun terdapat 10,000 kematian yang berlaku di Makkah. Ini bererti 10,000 lubang kubur baru diperlukan, maka untuk

menampung keperluan ini, mana-mana kubur yang penghuni awalnya (mayat) sudah hancur sempurna, maka ia akan diganti dengan penghuni baru demi masalah semasa.

4 Perkuburan Syuhada' al-Haram

Perkuburan ini merupakan tempat pengebumian para jemaah dan tawanan yang terkorban dalam peristiwa penawanan Masjidilharam oleh kumpulan pemberontak yang diketuai oleh Juhaيمان al-'Utaibi pada 1 Muharam tahun 1400H bersamaan tahun 1979M.

Oleh sebab itu, ia dinamakan dengan Perkuburan Syuhada' al-Haram. Kemudian, ia telah dibesarkan pada tahun 2009 dan turut menerima jenazah-jenazah lain. Ia terletak di tepi bukit di kawasan Mu'aisim, sebelah kiri jalan dari Makkah menuju ke Ja'ranah.

Para waris juga dapat mengenal pasti kubur yang ingin diziarahi dengan mengenal pasti nombor petak besar dan petak kecil yang tertulis. Jadi proses ziarah menjadi lebih mudah dengan cara ini. Selain itu, berdasarkan maklumat terkini menyatakan bahawa para jemaah haji luar juga mula dikebumikan di perkuburan ini.

Semoga Allah merahmati semua roh kaum Muslimim dan menganugerahkan kita semua dengan *husn al-khatimah*. Amin. ☺

Biasa: 3 minit 29 saat
Pantas: 0 minit 20 saat

INFO

TANAH PERKUBURAN TERKENAL DI MAKKAH AL-MUKARRAMAH

Tanah Perkuburan	Keluasan	Kapasiti
Perkuburan al-Ma'la.	Sekitar 250,000 meter persegi	30,000 kubur berlubang tanpa liang lahad.
Perkuburan al-'Adl.	Sekitar 50,000 meter persegi.	2000 kubur berliang lahad.
Perkuburan al-Syarai'.	Sekitar 900,000 meter persegi.	12,000 kubur berlubang dan 10 ribu kubur berliang lahad.
Perkuburan Syuhada' al-Haram.	Sekitar 1 juta meter persegi.	10,000 kubur berlubang dan 10 ribu kubur berliang lahad.